

**1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
September
2007**

**LOGO
DAN
NAMA
SEKOLAH**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2007

TINGKATAN LIMA

BAHASA MELAYU

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 11 halaman bercetak.

Soalan 1 : Rumusan (30 markah)

www.banksoalanspm.com

Pendahuluan / Pengenalan (2 markah)

Petikan membincangkan keutamaan/ kelebihan/ faedah/ manfaat/ kebaikan amalan membaca yang perlu diberikan perhatian oleh masyarakat/ yang perlu disedari oleh masyarakat.

Petikan membincangkan sebab-sebab rakyat Malaysia perlu mengutamakan amalan membaca.

Isi Tersurat (4 - 12 markah) : kepentingan amalan membaca

S1 Generasi yang berfikiran kritis dan matang dapat dilahirkan.
1 m 1 m

S2 Usaha untuk membentuk negara kita agar lebih maju/ pesat membangun dapat dipercepat.
1 m

S3 Membaca mampu memberikan pengalaman yang baru yang dapat diaplikasikan dalam urusan harian yang tertentu.

S4 Masyarakat yang serba tahu dapat dilahirkan.

S5 Kita dapat membuat refleksi tentang kelemahan diri kita sendiri.

S6 Membaca dapat menaikkan motivasi diri sehingga mewujudkan daya saing yang sihat.

S7 Kita dapat berubah menjadi manusia yang lengkap.

S8 Membaca itu keperluan hidup.

Isi Tersirat (4 - 12 markah) : sebab rakyat kurang membaca

T1 Mereka sibuk dengan urusan pekerjaan.

T2 Mereka mempunyai minat atau kecenderungan lain/ gemar akan hiburan, dsb.

T3 Mereka sememangnya tidak minat membaca.

T4 Mereka tidak mahu melibatkan diri dengan aktiviti berfikir/ mencabar minda.

T5 Kekurangan bahan bacaan yang bermutu.

T6 Harga bahan bacaan di pasaran mahal.

(Isi tersirat lain yang bukan ulangan diterima)

Kesimpulan (2 markah)

Semua pihak haruslah berganding bahu untuk memupuk minat membaca supaya dapat melahirkan masyarakat yang berilmu.

Kesimpulannya, usaha untuk memupuk minat membaca mesti dipergiat supaya tahap keilmuan masyarakat kita meningkat.

Soalan 2(a) : Petikan Umum (9 markah)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *melakukan anjakan paradigma*. [2 m]
- mengubah cara berfikir 2
- (ii) Nyatakan usaha-usaha yang diambil untuk memupuk minat membaca. [3 m]
- perpustakaan awam dibina 1
 - kerajaan mengisytiharkan Julai sebagai Bulan Membaca peringkat kebangsaan 1
 - pihak sekolah menubuhkan kelab bacaan 1
 - majlis pelancaran buku baru diadakan 1
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah ibu bapa dapat menyemai minat membaca dalam diri anak-anak? [4 m]
- menggalakkan anak-anak menggunakan masa cuti sekolah untuk membaca 1
 - mengadakan perpustakaan mini/ sudut bacaan di rumah 1
 - menghantar/ membawa anak ke perpustakaan awam 1
 - membeli bahan bacaan yang berfaedah bagi anak-anak 1
 - turut menjadikan membaca sebagai amalan seharian/ menjadi teladan kepada anak-anak/ menjadi ikutan anak-anak 1
 - membawa anak-anak ke pameran/ ekspo buku 1

Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden (9 markah)

- (i) Apakah maksud *wajah itu direnungnya kosong*? [2 m]
- muka Putra diperhatikan/ dipandang oleh Masayu tanpa sebarang makna/ erti 2
- (ii) Pada pandangan anda, apakah faktor-faktor Masayu mengatakan bahawa dia tidak mengenali Putra? [3 m]
- takut akan kezaliman/ kekejaman Srisegala 1
 - sebagai helah/ berpura-pura demi menyelamatkan nyawa suaminya 1
 - terpengaruh oleh kekayaan/ kekuasaan Srisegala 1
 - tidak menyayangi suaminya lagi kerana matanya buta 1
 - dia telah dipukau oleh Srisegala 1
- (iii) Jelaskan **satu** nilai murni daripada petikan dan **tiga** nilai murni daripada keseluruhan drama. [4 m]
- Nilai murni:
Daripada petikan:
- kasih sayang
 - bukti : Putra sangat sayang akan isterinya iaitu Masayu 1

Daripada drama:

- ketabahan
- bukti : Putra yang telah dibutakan matanya oleh Srisegala tabah dalam usahanya menggulingkan pemerintahan Srisegala 1
- bersatu padu
- bukti : Putra dan Wira bersatu padu dalam perjuangan mereka menghapuskan kezaliman Srisegala 1
- keberanian
- bukti : Putra/ Wira berani menentang kezaliman Srisegala 1
- taat setia
- bukti : Tuta taat kepada perintah Srisegala 1

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Klasik (8 markah)

- (i) Nyatakan maksud *sertanya itu pun lenyaplah*. [2 m]
- yang ada bersama-sama Dang Raya Rani terus ghaib/ hilang 2
- (ii) Apakah syarat-syarat peminangan yang ditetapkan oleh Puteri Gunung Ledang kepada Raja Melaka? [3 m]
- tujuh dulang hati nyamuk ½
 - tujuh dulang hati kuman ½
 - setempayan air mata ½
 - setempayan air pinang muda ½
 - semangkuk darah raja ½
 - semangkuk darah Raja Ahmad ½
- (iii) Pada pandangan anda, wajarkah Puteri Gunung Ledang mengenakan syarat-syarat peminangan itu kepada Raja Melaka? [3 m]

Wajar :

- helah Puteri Gunung Ledang untuk menolak pinangan Raja Melaka/ Puteri Gunung Ledang tidak mahu berkahwin dengan Raja Melaka 1
- menunjukkan keistimewaan Puteri Gunung Ledang/ menunjukkan perbezaan antara manusia dengan makhluk halus 1
- menguji kesungguhan Raja Melaka untuk mengahwini/ memiliki Puteri Gunung Ledang 1
- memberi kesedaran/ keinsafan kepada Raja Melaka supaya tidak bertindak mengikut nafsu/ mementingkan diri sendiri 1

Tidak wajar :

- syarat yang luar biasa/ gagal dipenuhi oleh manusia biasa/ tidak masuk akal 1
- syarat yang menghina Raja Melaka sebagai seorang raja yang berdaulat 1
- bertentangan dengan sifat yang sepatutnya ada pada seorang puteri 1

Soalan 2(d) : Petikan Puisi (9 markah)

- (i) Apakah maksud rangkap ketiga pantun di atas? [3 m]
- seseorang perantau yang berada jauh daripada keluarga/ merantau bersendirian 1
 - tiada tempat untuk mengadukan masalah/ berbincang 1
 - harus bijak menyesuaikan diri/ berdikari (di tempat orang/ tempat baru) 1
- (nota : jika calon menyalin semula baris maksud, maksimum 1 markah)
- (ii) Pada pendapat anda, apakah adab sebagai seorang tetamu? [3 m]
- berkunjung ke rumah kawan/ sahabat/ kenalan pada masa yang sesuai/
tidak sibuk/ tidak lewat 1
 - tidak menimbulkan kekecohan/ mengawal tingkah laku 1
 - menjaga tutur kata/ tidak menyinggung perasaan tuan rumah/ menghormati
tuan rumah 1
 - memberi salam/ ucapan sapaan apabila sampai ke rumah yang dikunjungi 1
 - ringan tulang membantu tuan rumah 1
 - membawa buah tangan untuk tuan rumah 1
- (iii) Huraikan **tiga** persoalan dalam pantun di atas. [3 m]
- sikap terlalu bergantung pada belas kasihan orang 1
 - sikap reda atas ketentuan Tuhan 1
 - adab melayan tetamu/ hormat akan tetamu 1
 - kepentingan menyesuaikan diri di perantauan/ pandai berdikari 1

Perhatian bagi Soalan 3(a)

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi kesalahan **ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca** secara keseluruhan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa/ kata ganda, berikan **0 markah**.
4. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
5. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi setiap ayat.
6. Jika semua perkataan dipakai dalam **satu ayat**, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
7. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan, berikan **0 markah**.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi setiap ayat yang maksudnya tidak begitu jelas.
10. Jika bina satu ayat sahaja, berikan **0 markah**.
11. Jika bina dua ayat tetapi tidak menunjukkan perbezaan maksud, berikan **1 markah**.

3 (a) Membina ayat (6 markah)**(i) ahli**

1. anggota (pertubuhan, persatuan, golongan)
Ayat : Yusuf dan Kumaran merupakan **ahli** Persatuan Sejarah di SMK Sentosa.
2. orang yang mahir atau mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu bidang/ pakar
Ayat : Kalau fasal menggubah bunga dia memang **ahli**.

(ii) haus

1. berasa kering tekak/ dahaga
Ayat : Kamal meminta air kerana tersangat **haus** setelah menamatkan larian 800 meter.
2. berkurangan besarnya atau tebalnya kerana tergosok
Ayat : Bunga tayar kereta itu **haus** kerana telah lama digunakan.

(iii) habis

1. tidak ada yang tinggal lagi/ kesemuanya
Ayat : **Habis** sudah wang simpanannya digunakan untuk merawat penyakit yang dihidapinya
2. banyak bahagiannya, sebahagian besar
Ayat : Rumah yang uzur itu **habis** bocor atapnya.
3. digunakan, ditumpukan, dibelanjakan
Ayat : Sepertiga daripada waktu yang ditetapkan **habis** untuk ucapan pembukaan sahaja.
4. selesai, berakhir, tamat
Ayat : Kerja pembinaan itu **habis** dilakukan dalam tempoh lima bulan.
5. paling
Ayat : “Inilah bangunan yang **habis** tinggi dalam bandar ini,” kata Ahmad kepada rakannya.
6. jadi, kalau begitu
Ayat : “**Habis**, sampai bila kita boleh tahan hidup begini,” keluh Siti kepada suaminya.
7. selepas, setelah, sesudah
Ayat : **Habis** makan mereka keluar ke bandar bersama-sama.

3(b) Menggabungkan ayat (6 markah)

- (i) Kita mestilah berhati-hati ketika memandu kenderaan di jalan raya kerana kemalangan mungkin terjadi pada bila-bila masa saja hingga menyebabkan kecederaan, kecacatan dan maut.
- (ii) Selain pelbagai undang-undang digubal untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya, kesedaran rakyat terhadap keselamatan mereka ketika di jalan raya mestilah dipupuk.

atau

Walaupun pelbagai undang-undang digubal untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya, namun kesedaran rakyat terhadap keselamatan mereka ketika di jalan raya juga mestilah dipupuk.

- (iii) Jika sifat berwaspada sentiasa kita amalkan, kita mungkin terselamat daripada kemalangan jalan raya yang banyak meragut nyawa.

Pemarkahan berdasarkan jadual di bawah:

Peringkat	Markah	Ciri-ciri
Baik	05-06	-3 ayat -isi lengkap dan betul -jalinan ayat sangat baik -maksud asal terpelihara
Sederhana	03-04	-3 ayat -isi kurang lengkap -jalinan ayat masih baik -terdapat sedikit rombakan dalam maksud asal ayat
Lemah	01-02	-3 ayat -isi terlalu kurang -jalinan ayat tidak betul -susunan dan maksud asal ayat tidak terpelihara sama sekali
	00	-kurang atau lebih daripada 3 ayat

3(c) **Membaiki kesalahan ejaan dan imbuhan (6 markah)**

- (i) didapati - terdapat
feshen - fesyen
- (ii) Motorsikal - Motosikal
gilaan - kegilaan
- (iii) dilakukan - berlaku
pekara - perkara

3(d) **Membaiki kesalahan kata atau istilah atau tatabahasa (6 markah)**

- (i) menceritakan tentang - menceritakan
di daerah - daerah
- (ii) saya selalu - selalu saya
adalah - ialah
- (iii) dan - dengan
mengorbankan banyak - banyak mengorbankan

3(e) **Mengemukakan peribahasa berdasarkan situasi (6 markah)**

- (i) mencurah air ke daun keladi/ hujan jatuh ke pasir
- (ii) abu di atas tunggul
- (iii) alah bisa tegal biasa

Soalan 4 : Novel (15 markah)

Perhatian bagi Soalan 4

- Jawapan berdasarkan novel yang disenaraikan.
- Jawapan hendaklah dalam ayat yang sempurna.
- Tolak 50% markah daripada yang sepatutnya diperoleh jika dijawab dalam bentuk jadual/ 'point form' bagi setiap soalan.

Perhatian bagi 4(a)

- Markah isi 4 markah, bahasa 3 markah.
- 2 markah untuk isi dan huraian yang lengkap.
- Isi sahaja 1 markah. Huraian sahaja 0 markah. Jika menyatakan isi (konflik) sahaja, markah maksimum ialah 2 markah (markah isi).
- Jika calon hanya menjelaskan beberapa konflik yang melibatkan satu watak sampingan sahaja; diterima.
- Contoh lain yang sesuai boleh diterima juga.

Pemarkahan bahasa

Baik : 3 markah
 Sederhana : 2 markah
 Lemah : 1 markah

- (a) Setiap watak utama dalam novel menghadapi pelbagai konflik. Berdasarkan **sebuah** novel yang telah anda kaji, huraikan konflik yang berlaku antara watak utama dengan watak sampingan.

[7 markah]

Terminal Tiga

- konflik antara Rimpa dengan ibunya
 bukti: Rimpa sedih kerana ibunya keberatan membenarkannya melanjutkan pelajaran di Akademi Seni Kebangsaan.
- konflik antara Rimpa dengan Ramon
 bukti: Rimpa cuba menolak pelawaan Ramon yang mengajaknya minum tuak kerana Rimpa sedar bahawa perbuatan itu menyalahi hukum Islam.
- konflik antara Rimpa dengan Ruzaini
 bukti: Rimpa kesal akan tuduhan Ruzaini yang menganggapnya sengaja mahu melepaskan tanggungjawab terhadap keluarganya dengan pergi ke Kuala Lumpur.
- konflik antara Rimpa dengan Ruzaini
 bukti: Rimpa tidak senang dengan anggapan Ruzaini yang menganggap kepulangannya bukan untuk mencari ayahnya tetapi untuk melukakan hati Ruzaini.

Seteguh Karang

- konflik antara Awanis dengan Maysarah
 bukti: Awanis kesal melihat perubahan sikap Maysarah yang lupa akan tanggungjawabnya setelah kematian ibu bapa mereka.
- konflik antara Awanis dengan Encik Johari
 bukti: Awanis tertekan dengan kerenah Encik Johari yang selalu cuba menyakiti hatinya semasa dia menjalani latihan praktikal di Terengganu.
- konflik antara Awanis dengan Encik Lee
 bukti: Awanis kesal dengan sikap Encik Lee yang tidak mahu menerima kehadiran Anita yang dianggapnya membawa sial.
- konflik antara Awanis dengan Maznah
 bukti: Awanis tidak senang melihat sikap Maznah yang memandang serong hubungan baiknya dengan Wan Asri.

Perhatian bagi 4(b)

- a. Markah isi 6 markah, bahasa 2 markah.
- b. Berikan 1 markah bagi satu teknik penceritaan yang sama.
- c. Berikan 2 markah bagi bukti/ contoh yang sesuai berdasarkan dua buah novel.
- d. Maksimum 2 teknik penceritaan dengan contoh = 6 markah. Bahasa = 2 markah
- e. Calon menjelaskan teknik penceritaan sahaja tanpa contoh (1 teknik penceritaan = 1 markah), maksimum 2 teknik penceritaan sahaja diterima; berikan 2 markah.
- f. Calon mengemukakan contoh sahaja, berikan 0 markah.
- g. Calon mengemukakan teknik penceritaan dengan contoh yang salah; berikan 1 markah untuk teknik penceritaan.
- h. Markah bahasa tidak boleh lebih daripada markah isi. Walau bagaimanapun, jika calon **menjawab** soalan tetapi semua isi salah (0 markah), bahasa boleh diberikan 1 markah.
- i. Tolak maksimum 1 markah bagi kesalahan bahasa selepas diberi markah isi.
- j. Teknik penceritaan dan contoh lain yang sesuai boleh diterima juga.

Pemarkahan bahasa

Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji, bandingkan dua teknik penceritaan yang digunakan oleh pengarang. [8 markah]

1. Teknik dialogTerminal Tiga

Menerusi dialog antara Rimpa dengan Ruzaini, Rimpa memberitahu Ruzaini bahawa dia akan melanjutkan pelajaran di Akademi Seni Kebangsaan.

Seteguh Karang

Menerusi perbualan antara Awanis dengan Encik Johari, pembaca dapat mengetahui sikap Encik Johari yang kurang senang menerima kehadiran pelatih perempuan.

2. Teknik imbas kembaliTerminal Tiga

Rimpa teringat akan peristiwa Ramon yang memujuknya supaya minum air tuak.

Seteguh Karang

Awanis teringat kembali akan peristiwa Kak Maysarah melarikan diri setelah ditunangkan dengan Roslan.

3. Teknik kejutanTerminal Tiga

Rimpa mendapat berita bahawa Ruzaini telah meninggalkan kampung kerana dipercayai mengikut pendakwah.

Seteguh Karang

Awanis mendapat tahu bahawa Kak Maysarah dimasukkan ke hospital kerana menelan pil tidur berlebihan.

4. Teknik pemerian

Terminal Tiga

Pengarang menggambarkan pekerjaan yang dilakukan oleh penduduk di kampung Rimpa (menanam asparagus, kobis dan tomato).

Seteguh Karang

Pengarang menggambarkan keadaan di kawasan ladang kelapa sawit di Paka.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT